



GARIS PANDUAN LAPORAN



ANUGERAH PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH (PKS) 2024

TEMA

“KOPERASI SEKOLAH PEMANGKIN GENERASI MADANI”

TEMPOH LAPORAN

1 OKTOBER 2023 – 31 OGOS 2024

ANJURAN

**UNIT SEKOLAH
SEKSYEN SEKOLAH, IPT & BELIA
BAHAGIAN KOPERASI BERSASAR
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI
ANGKASA**

1.0 PENGENALAN

Garis panduan laporan Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) 2024 atau dijenamakan sebagai *Interschool Cooperative Tourism (COOP/STAC)* ini disediakan sebagai panduan asas kepada koperasi sekolah untuk **melaporkan aktiviti PKS** yang telah dilaksanakan. Laporan yang disediakan mestilah ringkas, mudah difahami dan hendaklah dilaporkan secara kreatif mengikut koperasi masing-masing bagi tujuan penilaian.

Laporan Pelancongan Koperasi Sekolah 2024 telah dibahagikan kepada **8 bahagian** iaitu:

- Bahagian A – Maklumat/profil PKS (10%)
- Bahagian B – Perolehan aktiviti PKS (10%)
- Bahagian C – Pakej PKS (10%)
- Bahagian D – Konsep perlaksanaan PKS (45%)
- Bahagian E – Kemudahan Hos (5%)
- Bahagian F – Senarai Tamu (5%)
- Bahagian G – Pengiktirafan PKS (10%)
- Bahagian H – Bonus (5%)

2.0 PENYERTAAN

- 2.1 Terbuka kepada semua koperasi sekolah di Malaysia yang menjalankan aktiviti PKS.
- 2.2 Koperasi sekolah yang menjadi hos dan telah menerima tamu dalam tempoh penglibatan untuk laporan.

3.0 TARIKH DAN TEMA

- 3.1 Tarikh pelaksanaan: **1 Oktober 2023 – 31 Ogos 2024**
- 3.2 Tarikh akhir menghantar laporan: **10 September 2024 (Selasa)**
- 3.3 Tarikh penilaian laporan (peringkat 1): **18 – 20 September 2024**
- 3.4 Tarikh pembentangan laporan (peringkat 2): **21 – 23 September 2024**
- 3.5 Tarikh cadangan peringkat kebangsaan : **13–15 Disember 2024**
- 3.6 Tema hendaklah selari dengan tema Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2024 iaitu **“Koperasi Sekolah Pemangkin Generasi Madani”**

Nota : Sebarang perubahan tarikh akan dimaklumkan dari semasa ke semasa

4.0 BAHAGIAN A: MAKLUMAT/PROFIL PKS (10%)

Laporan yang disediakan hendaklah mengandungi maklumat ringkas seperti berikut:

- 4.1 Sejarah PKS koperasi sekolah masing-masing.
- 4.2 Carta organisasi PKS dan senarai penuh jawatankuasa PKS.
- 4.3 Visi, misi dan objektif PKS.
- 4.4 Senarai pakej yang ditawarkan dan harga setiap pakej.

5.0 BAHAGIAN B: PEROLEHAN AKTIVITI PKS (10%)

5.1 Koperasi sekolah dikehendaki untuk menyediakan laporan perolehan projek PKS **sepanjang tempoh laporan** seperti maklumat berikut:

- 5.1.1** Jumlah pendapatan PKS.
- 5.1.2** Jumlah perbelanjaan PKS.
- 5.1.3** Jumlah untung bersih PKS.

5.2 Koperasi sekolah juga hendaklah menyediakan laporan perolehan tahunan projek dalam **tempoh 8 tahun (2016 – 2023)**.

5.3 Laporan boleh disediakan dalam **bentuk graf, jadual atau carta** yang memudahkan penilaian dibuat.

6.0 BAHAGIAN C: PERLAKSANAAN PKS (10%)

6.1 Koperasi sekolah hendaklah menyediakan secara lengkap maklumat pakej yang ditawarkan mengikut pecahan **jumlah perlaksanaan projek PKS** mengikut tempoh laporan seperti berikut:

- 6.1.1 Pakej 3 hari 2 malam
- 6.1.2 Pakej 2 hari 1 malam
- 6.1.3 Pakej 1 hari
- 6.1.4 Pakej 1/2 hari

7.0 BAHAGIAN D: KONSEP PERLAKSANAAN PKS (45%)

Laporan yang disediakan oleh koperasi sekolah hendaklah mengikut konsep pembelajaran PKS sebenar yang merangkumi konsep *learning by doing*, *doing by learning* dan *learning and learning*. Konsep ini selari dengan prinsip ke-5 koperasi yang menekankan unsur pendidikan, latihan dan maklumat. Bahagian ini perlu menekankan unsur tugas hos, fokus subjek dan fokus sampingan. Laporan yang perlu ditekankan dalam bahagian ini adalah seperti berikut:

7.1 Tugas Hos

7.1.1 Peranan pengarah projek.

7.1.2 Peranan jawatankuasa yang dibentuk dan keterangan ringkas penglibatan dalam setiap projek.

7.1.3 Jaringan kerjasama koperasi hos bersama komuniti setempat/agensi/pemain industri pelancongan dan sebagainya.

7.1.4 Mengikuti kursus hos meliputi tarikh, masa, tempat dan impak.

7.2 Fokus Subjek

7.2.1 Jenis fokus subjek yang dipilih.

7.2.2 Peranan murid dalam fokus subjek.

7.2.3 Aktiviti-aktiviti menjurus kepada fokus subjek.

7.2.4 Sumber rujukan kajian/penyelidikan fokus subjek.

7.3 Fokus Sampingan

7.3.1 Senarai fokus sampingan yang ditawarkan kepada tamu.

7.3.2 Peranan murid dalam aktiviti fokus sampingan seperti aktiviti malam kebudayaan, makanan tradisi, persempahan hidangan dan sebagainya.

Laporan yang disediakan hendaklah dibuat secara ringkas, padat dan dinilai berdasarkan **bukti bergambar/sijil/dokumen**. Penyediaan laporan adalah bergantung kepada kreativiti masing-masing dan dapat menerangkan dengan jelas tentang konsep dan penglibatan murid sebagai hos.

8.0 **BAHAGIAN E: KEMUDAHAN HOS (5%)**

Bahagian ini memerlukan koperasi hos menyediakan laporan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada tamu seperti penginapan, dewan sekolah, dewan makan, pengangkutan, padang sekolah dan lain-lain kemudahan yang

digunakan sepanjang perlaksanaan PKS dijalankan. Laporan yang disediakan hendaklah berserta keterangan, kos dan bukti bergambar semasa aktiviti PKS dilaksanakan.

9.0 BAHAGIAN F: SENARAI TAMU (5%)

9.1 Koperasi Tamu dan Jumlah Tamu (Tempoh Penglibatan)

Koperasi sekolah diminta untuk menyediakan laporan senarai setiap tamu sepanjang tempoh laporan seperti **tarikh, koperasi sekolah tamu, bilangan peserta tamu beserta dengan pakej**.

9.2 Senarai Koperasi Tamu Dan Jumlah Tamu (2003 sehingga Sehingga 31 Ogos 2023)

Bahagian ini memerlukan koperasi sekolah untuk menyenaraikan kesemua koperasi tamu dan bilangan peserta tamu yang hadir sepanjang perlaksanaan aktiviti PKS.

_____ Laporan yang disediakan hendaklah jelas dan boleh dipersembahkan dalam bentuk **jadual, graf, carta dan lain-lain kaedah** mengikut kreativiti masing-masing.

10.0 BAHAGIAN G: PENGIKTIRAFAN PKS (10%)

10.1 Pengiktirafan PKS (2023 -2024)

Bahagian ini memerlukan koperasi melaporkan pengiktirafan Aktiviti PKS yang diterima dari **2023 – 2024** dan disertakan dengan bukti seperti sijil/gambar/dokumen atau lain-lain bukti bagi menguatkan laporan.

10.2 Pengiktirafan Sepanjang Aktiviti PKS (2003 - 2022)

Koperasi sekolah diminta untuk melaporkan pengiktirafan PKS yang diterima sepanjang perlaksanaan aktiviti PKS dari awal perlaksanaan sehingga ke tahun 2022. Laporan boleh disediakan dalam bentuk **jadual, graf, carta atau lain-lain kaedah** mengikut kreativiti masing-masing.

Setiap laporan di para 10.1 dan 10.2 memerlukan koperasi menyatakan dengan jelas **nama anugerah yang diterima, tarikh, tempat, nama pengajur dan bukti penerimaan** anugerah PKS berkenaan.

11.0 BAHAGIAN H: BONUS (5%)

- 11.1 Kreativiti dan Inovasi
- 11.2 Kepuasan tamu
- 11.3 Plat penjenamaan Coopistac

12.0 BORANG PENGESAHAN LAPORAN PKS 2024

Koperasi sekolah dikehendaki melengkapkan **Borang Laporan Anugerah PKS (COOPISTAC) 2024 (USe – PKS/24)** dan dihantar bersama dengan Laporan Anugerah PKS 2024 ke alamat ibu pejabat ANGKASA **pada atau sebelum 10 September 2024 (Selasa) Jam 4.30 petang**. Borang ini hendaklah diletakkan di muka surat hadapan laporan yang dihantar. Sila rujuk Borang Laporan Anugerah PKS (COOPISTAC) 2024 (USe-PKS/24) di **Lampiran 1 atau boleh dimuat turun di laman sesawang ANGKASA:** www.angkasa.coop.

13.0 PENILAIAN LAPORAN PKS

Penilaian akan dinilai berdasarkan format yang terkandung di **Bahagian A sehingga Bahagian H**. Penilaian turut mengambil kira kreativiti persembahan laporan dan laporan yang dapat difahami oleh jawatankuasa penilai. Jawatankuasa penilai boleh terdiri daripada:

- ✓ Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- ✓ Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- ✓ Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- ✓ Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)
- ✓ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
- ✓ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- ✓ Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

Keputusan Jawatankuasa Penilai adalah **MUKTAMAD**.

14.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan Laporan Anugerah PKS 2024 bolehlah diajukan kepada Unit Sekolah (USe), ANGKASA di talian pejabat 03-74548249 / 03-74548265.

15.0 PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN

- 15.1 Penyediaan laporan hendaklah mengikut format yang telah ditetapkan di dalam garis panduan.
- 15.2 Penyediaan laporan adalah mengikut **kreativiti** koperasi sekolah dan **tiada had mukasurat**.
- 15.3 Koperasi hendaklah melaporkan minimum **lima (5) gambar** bagi **setiap aktiviti** beserta penerangan ringkas mengikut setiap bahagian yang dilaporkan.
- 15.4 Risalah, pamflet atau bahan-bahan bercetak daripada agensi luar **tidak perlu** dilampirkan contohnya risalah pencegahan jenayah, derma darah, promosi, peraturan, syarat-syarat dan sebagainya.
- 15.5 Bahan-bahan atau maklumat yang telah diberikan oleh ANGKASA kepada koperasi sekolah seperti Garis Panduan PKS 2024 dan lain-lain **tidak perlu** dilampirkan.
- 15.6 **Laporan hendaklah dicetak (hardcopy) dan diserahkan kepada Ibu Pejabat ANGKASA, Kelana Jaya, Selangor seperti alamat di bawah pada atau sebelum 10 September 2024 (Selasa) Jam 4.30 petang.** Penghantaran selepas tarikh dan masa diatas tetap diterima tetapi **TIDAK AKAN DINILAI**.
- 15.7 Laporan hendaklah dihantar juga menerusi **google form sebagai back up** dan sila maklumkan kepada pihak urusetia bagi mengemaskini rekod penghantaran. Pautan google form adalah seperti berikut <https://bit.ly/COOPISTAC2024> atau mengimbas Kod QR berikut:



16.0 HADIAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

Pemenang peringkat kebangsaan 2024 akan dipilih oleh Jawatankuasa Penilai berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Bilangan pemenang dan hadiah bagi setiap peringkat akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun **sijil pencapaian peringkat kebangsaan** akan diberikan kepada pemenang dan manakala sijil penyertaan akan dikeluarkan kepada semua koperasi sekolah yang telah menghantar Laporan Anugerah PKS 2024.

17.0 KATEGORI HADIAH PERINGKAT KEBANGSAAN PKS 2024

Kategori Hadiah Peringkat Kebangsaan PKS 2024 adalah seperti berikut:

- 17.1 Koperasi sekolah hos terbaik 2024.
- 17.2 Guru pembimbing PKS terbaik 2024.
- 17.3 Lain-lain anugerah khas mengikut keputusan mesyuarat Jawatankuasa Anugerah.

Semua anugerah ini akan disampaikan semasa Majlis Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah 2024 Peringkat Kebangsaan dan semua koperasi sekolah yang telah menghantar laporan akan dijemput bagi meraikan usaha berterusan koperasi sekolah dalam aktiviti PKS bagi tahun 2024.

18.0 HAL-HAL LAIN

- 18.1 ANGKASA **tidak menyediakan sebarang sumbangan saguhati** kepada koperasi sekolah yang menghantar laporan. Kos aktiviti dan penyediaan laporan adalah dibawah tanggungan koperasi sekolah masing-masing.
- 18.2 Koperasi Hos hendaklah memaklumkan kepada Unit Sekolah ANGKASA sekiranya menerima koperasi tamu bagi tujuan pemerhatian dan pemantauan sebelum pelaksanaan projek PKS. Pegawai Unit Sekolah boleh hadir semasa pelaksanaan PKS sekiranya ada keperluan.

18.3 Koperasi Hos juga **perlu menyarankan** kepada koperasi tamu untuk menghadiri kursus tamu bagi memastikan koperasi tamu memahami konsep bertamu dalam aktiviti PKS.

18.4 Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
WISMA UNGKU A. AZIZ,
JALAN SS 6/3, KELANA JAYA,
47301 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN
(U/P: UNIT SEKOLAH, SEKSYEN SEKOLAH, IPT DAN BELIA)

Senarai Pegawai Unit Sekolah (USe)

BIL	NAMA	NO TEL BIMBIT	EMAIL
1	En. Hasbullah Hamdin	012-242 7233	
2	En. Muhammad Hafifi Bin Hamdan	012-464 6231	
3	Cik Noor Azlina Binti Sharif	017-6525924	ssib.angkasa@gmail.com
4	Siti Nadratun Farhana Binti Mohd Hatta	017-2779916	
5	Samsul Bin Sarraji	016 - 4079410	

FALSAFAH KOPERASI
"BEKERJA BERSAMA-SAMA DEMI MANFAAT BERSAMA"